

# Syarat-Syarat Wajib Solat 6 Perkara:

1. Beragama Islam.
2. Baligh (cukup umur).
3. Berakal.
4. Suci dari haid dan nifas.
5. Sampai seruan Islam.
6. Sempurna panca indera.

# Syarat-Syarat Sah Solat 10 Perkara:

1. Beragama Islam.
2. Berakal.
3. Mumayyiz (kanak-kanak sudah dapatmembezakan diantara satu dengn yang lain)
4. Masuk waktu solat.
5. Menutup aurat.

# Syarat-Syarat Sah Solat

## 10 Perkara:

6. Menghadap qiblat.
7. Mengetahui rukun solat.
8. Meninggalkan yang membatalkan solat.
9. Suci dari hadas kecil dan besar.
10. Suci dari najis.

# Rukun-Rukun Solat

## 13 Perkara:

1. Niat.
2. Takbiratul-ihram.
3. Bediri bagi yang kuasa (mampu) dalam solat fardhu.
4. Membaca Surah Al-Fatihah.
5. Rukuk dan tumakninah.
6. Iktidal dan tumakninah.
7. Sujud dan tumakninah.

# Rukun-Rukun Solat

## 13 Perkara:

8. Duduk diantara dua sujud dalam tumakninah.
9. Sujud yang kedua dan tumakninah.
10. Membaca tahiyat akhir dalam keadaan duduk.
11. Membaca selawat keatas Nabi Muhammad.
12. Mengucap salam.
13. Tertib.

# Makruh Solat

## Diantaranya ialah:

1. Membaca dengan suara yang kuat bukan ditempatnya.
2. Menoleh kekiri dan kekanan, jika tidak perlu.
3. Menunjukkan sesuatu jika tidak perlu.
4. Membaca terlalu pantas.
5. Menetap disuatu tempat ketika bersolat.

# Sunnat Aba'adh

## Sunnat Aba'adh:

Ialah sunnat yang diperkuatkan atau besar.  
Seandainya lupa, maka sunnat “ **Sujud  
Sahwi** ”

# Sunnat-Sunnat Aba'adh

1. Membaca tahiyyat awal (tahiyyat pertama).
2. Membaca selawat keatas Nabi Muhammad selepas tahiyyat pertama.
3. Membaca selawat kepada keluarga Nabi Muhammad selepas membaca tahiyyat akhir.

# Sunnat Haiat

## Sunnat Haiat:

Sunnat-sunnat yang tidak digantikan  
dengan sesuatu

# Sunnat-Sunnat Haiat

1. Mengangkat kedua belah tangan ketika Takbiratul-Ihram.
2. Meletakkan tangan kanan keatas tangan kiri didada.
3. Mengangkat kedua belah tangan ketika rukuk, iktidal dan ketika bangun dari tahiyyat yang pertama.
  4. Membaca doa iftitah.
  5. Membaca ta'awwuz.

# Sunnat-Sunnat Haiat

6. Membaca 'Amiin selepas membaca Surah Al-Fatihah.
7. Membaca surah selepas membaca Surah Al-Fatihah.
8. Membaca dengan suara yang kuat dan perlahan-lahan pada solat-solat yang tertentu.
9. Membaca takbir-takbir peralihan.
  10. Melihat tempat solat.

# Sunnat-Sunnat Haiat

11. Meletakkan kedua belah tangan diatas kepala lutut ketika rukuk.
12. Membaca tasbih dalam rukuk dan sujud.
13. Duduk **Iftirasy** pada tiap-tiap duduk yang tidak diakhiri oleh salam.
14. Duduk **Tawarruk** yang diakhiri oleh salam.
  15. Salam yang kedua.
16. Memaling muka kekanan dan kekiri ketika memberi salam.

# Yang Membatalkan Solat 10 Perkara

1. Berkata-kata dengan sengaja.
2. Bergerak dari tempat berdiri lebih dari tiga kali berturut-turut.
3. Berlaku hadas kecil atau besar.
4. Kena najis yang tidak dimaafkan pada badan, pakaian atau tempat solat.
5. Terbuka aurat, walaupun tidak sengaja seperti tiupan angin, tetapi sekiranya ditutup, tidak batal.

# Yang Membatalkan Solat 10 Perkara

6. Mengubah niat solat.
7. Memberlakangkan qiblat.
8. Makan dan minum ketika bersolat.
9. Ketawa dengan suara yang terbahak-  
bahak.
10. Murtad (keluar dari agama Islam).

# Tambahan

**Apakah syarat-syarat niat ketika bersolat?**

*Menurut Mazhab Syafi'ie, syarat-syarat berniat  
ada tiga perkara:*

1. Qasad - (sengaja). [Ussalli]
2. Ta'arrudh – (jenis). [sunnat / fardhu]
3. Ta'yin – (waktu). [asar / zuhur]

# Tambahan

Syarat solat fardhu: Qasad, ta'arrudh dan ta'yin.

Syarat solat sunnat bersebab dan berwaktu: Qasad dan ta'yin.

Syarat solat sunnat mutlak: Qasad sahaja.

Sunnat menyebut: ( lillaahi ta'ala / qadha-an / adaa-an )

# Solat Berjamaah

## Terbahagi Dua (2) Bahagian

1. Muwafik
2. Masbuk

# Muwafik

1. Makmum dapat bertakbiratul-ihram bersama Imam.
2. Makmum sempat membaca Surah Al-Fatihah bersama Imam.
3. Makmum yang tidak dapat menghabiskan bacaan Surah Al-Fatihah sehingga Imam sujud dan bangun.

# Muwafik

Sekiranya, makmum masih tidak selesai juga membaca Surah Al-Fatihah, sedangkan Imam sudah pun bangun berdiri atau duduk tahiyat akhir, maka makmum, hendaklah memilih sama ada berpisah dari Imam dengan niat **mufarakah** (*berpisah*) atau terus mengikut Imam, maka rakaat itu tidak diambil kira. Kalaupun tidak berbuat salah satu antara kedua hal yang tersebut, solat makmum tidak sah.

# Masbuk

**Masbuk:** Ialah makmum yang ketinggalan (tidak sempat bertakbiratul-ihram bersama Imam dan tidak dapat membaca Surah Al-Fatihah bersama Imam) disebabkan semasa makmum masuk bersolat, Imam telahpun rukuk atau hampir-hampir rukuk.

# Masbuk

Sekiranya, makmum dapat berhenti sejenak (bertumakninah) bersama-sama Imam semasa rukuk, maka rakaat itu dikira, ia mendapat satu rakaat bersama-sama Imam. Bacaan Fatihahnya itu ditanggung oleh Imam.